



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN
PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

19 FEBRUARI 2019 (SELASA) / 8.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil A'lamin

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi

- 1. Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.**

Ampun Tuanku

Sembah Patik Mohon Diampun

2. Patik sekalian merafakkan sembah menjunjung kasih, di atas titah dan ampun perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk mencemar duli bagi menyempurnakan istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan tahun 2019 yang berlangsung pada hari ini. Keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku, ke Majlis ini amat besar maknanya buat patik dan seluruh warga Wilayah Persekutuan.

3. Ketiga-tiga Wilayah Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang membentuk Wilayah Persekutuan mempersembahkan setinggi-tinggi junjungan kasih serta melafazkan ikrar taat setia kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tahun 2019 merupakan tahun yang istimewa kerana tahun ini merupakan kali ke-15 Hari Wilayah Persekutuan diraikan yang telah sekian kalinya disambut pada 1 Februari setiap tahun sejak 2005. Tahun ini tradisi sambutan Hari Wilayah diteruskan dengan tema yang diharap dapat membangkitkan perasaan kasih sayang dan penghargaan di kalangan warganya iaitu "Sayangi Wilayahku."

Ampun Tuanku

4. Tahun lalu menyaksikan kelahiran Malaysia dalam era baru yang dibenihkan dari kehendak dan keinginan rakyat sendiri untuk melihat sebuah Kerajaan yang mendokong setulusnya nilai-nilai murni berteraskan amanah dan integriti. Sehubungan itu, bagi menzahirkan rasa syukur dan menghargai kurniaan Allah SWT, barisan kepimpinan Kerajaan Baharu yang telah dipilih oleh rakyat ini, tidak akan sekali-kali mengkhianati amanah yang diberikan. Patik bersama-sama seluruh warga kerja Kementerian Wilayah Persekutuan beriltizam meletakkan diri sebagai pekerja kepada rakyat dan bertekad untuk menjaga, membangunkan dan menguruskan Wilayah Persekutuan ini dengan penuh amanah dan bebas rasuah. Allah SWT berpesan dalam Al-Qu'ran, ayat 61 surah Hud, antaranya bermaksud;

“Dialah yang membuat kamu hidup di dunia ini dan menyuruh kamu memakmurkan negeri ini, kemudian istigfarlah kamu kepadaNYA dan bertaubatlah kamu kepadaNYA. Sesungguhnya Tuhanku Maha Penyayang dan Penuh Kecintaan”.

Ampun Tuanku,

5. Sesungguhnya, patik sedar akan tanggungjawab besar yang perlu digalas dalam memastikan imej, kebersihan dan kualiti ketiga-tiga Wilayah ini dapat dipertingkatkan secara holistik dari semasa ke semasa untuk dijadikan penanda aras bagi bandar-bandar lain di Malaysia dan juga menjadi saingan di peringkat global. Justeru, patik amat bersyukur dengan penambahan 3 agensi baharu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

6. Pastinya kehadiran agensi baru ini memberi nilai tambah dan kekuatan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memperkembangkan model pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk dijadikan contoh dalam penyediaan rancangan tempatan dan landskap pihak-pihak berkuasa tempatan lain di seluruh negara, selain membantu menjayakan inisiatif yang bakal dilaksanakan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bermula pada tahun ini.

Ampun Tuanku

7. Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyusun atur gerak kerja warganya bagi memenuhi tema baru iaitu “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi.” Tema baru ini pula tidak akan dibiarkan berdiri sekadar kata-kata tetapi sedang diterjemah melalui enam (6) teras utama meliputi :

- (i) Wilayah Bersih;**
- (ii) Keselamatan Awam;**
- (iii) Pengangkutan Efisien;**

- (iv) Sosio-Ekonomi Mampan;
- (v) Persekitaran Hijau; dan
- (vi) Komuniti Inklusif.

8. Di dalam teras pertama wilayah bersih sebagai contoh, *Blueprint* Penarafan Kebersihan KL meletakkan sasaran penarafan peringkat 4 bagi 22 kawasan di Kuala Lumpur. Bagi mencapai penarafan ini, selain usaha menggiatkan kitar semula dan meningkatkan pemantauan rapi, tindakan khas juga sedang digerakkan bagi merombak semula pengurusan pepejal di Kuala Lumpur dan Putrajaya khususnya.

9. Teras kedua yang sering dibuahkan rakyat kebanyakan iaitu keselamatan awam pula akan ditangani secara tuntas melalui pendekatan menambah bilangan CCTV, meningkatkan pencahayaan khususnya di kawasan *hotspot* dan menjalankan penguatkuasaan yang berkesan.

10. Teras ketiga juga tidak kurang pentingnya kepada penduduk bandar iaitu pengangkutan awam yang efisien. Bagi tujuan ini, 2 laluan Bas GoKL akan ditambah, selain kajian pengangkutan monorel bagi menghubungkan Putrajaya ke Bangi, Kajang dan Cyberjaya yang akan dilaksanakan.

11. Melalui teras keempat sosio ekonomi mampan antaranya, Rumah Wilayah Persekutuan akan diberi nafas baru dengan dikenali sebagai Residensi Wilayah yang menyasarkan pembinaan 8,000-10,000 unit pada tahun ini.

12. Kelima, melalui teras persekitaran hijau projek berimpak tinggi *River of Life (ROL)* telah mula menampakkan hasil awal yang boleh dibanggakan apabila disenarai sebagai *Top 10 Best Waterfront Districts* di dunia baru-baru ini. Ini membuktikan projek *River of Life* sekiranya dilaksanakan dan dipantau dengan baik, sudah mampu menggamit perhatian dunia meski pun status siap kerja keseluruhan baru mencapai sebanyak 85%.

13. Melalui teras terakhir komuniti inklusif, Majlis Menteri Wilayah telah diwujudkan buat pertama kalinya sebagai saluran kepada ahli-ahli Parlimen

**Wilayah Persekutuan yang telah dipilih secara langsung oleh rakyat untuk dilibat
urus dalam perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur.**

14. Warga Wilayah Persekutuan nun jauh di seberang Laut China Selatan juga akan dipastikan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan nasional. Jurang fizikal merentas lautan tidak akan dibenarkan menjadi alasan kepada jurang pembangunan di antara Labuan dengan adik-beradiknya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ke arah ini, aktiviti ekonomi Labuan akan digiatkan semula sebagai sebuah *Halal Hub* dan Terminal Feri Labuan juga dirancang untuk dinaiktaraf sebagai prasyarat kepada pemangkin pertumbuhan baru di pulau yang juga dikenali sebagai *Pearl of Borneo* ini.

15. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan melancarkan Program Kebajikan Wilayah Persekutuan yang komprehensif bagi membangunkan sosio ekonomi rakyat Wilayah Persekutuan. Program kebajikan ini merangkumi semua golongan sasaran seperti bayi, remaja, pelajar sekolah, pelajar IPT, belia, warga emas, OKU dan ibu tunggal. Terdapat 15 program yang akan dilaksanakan di bawah payung Program Kebajikan ini dan sebagai permulaan, sebanyak 12 bas medik akan disediakan dengan kos jangkaan RM1.5 juta setiap satu yang akan dapat memastikan rakyat memperoleh akses kepada perkhidmatan kesihatan sehingga ke pintu rumah mereka. Tidak terhenti di situ, Kementerian juga akan menyediakan Van Wilayah yang dikhaskan untuk golongan B40 dan penduduk Program Perumahan Rakyat bagi memenuhi keperluan kecemasan dan kemasyarakatan. Ini adalah hanya sebahagian dari usaha-usaha baru yang akan dilaksanakan mulai tahun ini demi manfaat penduduk Wilayah Persekutuan.

**Ampun Tuanku,
Sembah Patik Mohon Diampun,**

16. Bersempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kali ke-11 ini, seramai 200 orang (perlu pengesahan BKP) akan menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan. Pengurniaan ini adalah berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang telah dicurahkan selama ini kepada Wilayah Persekutuan. Semoga dengan pengurniaan

ini dapat menyuntik semangat dan komitmen yang tinggi kepada penerima untuk terus menabur bakti.

17. Patik bagi pihak semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan, anggota pentadbiran, pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan, persatuan penduduk dan seluruh rakyat jelata di bawah jajahan takluk Tuanku dengan penuh hormat dan takzimnya melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Seri Paduka Baginda Tuanku.

18. Patik sekalian memanjatkan doa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melanjutkan usia dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas Seri Paduka Baginda Tuanku.

Sekian.

Ampun Tuanku beribu ampun, Sembah patik harap diampun.